

SIARAN AKHBAR

Daripada Sylke Becker
Telefon +49 69 756081-33
Telefaks +49 69 756081-11
E-mel s.becker@vdw.de

Ekonomi Malaysia berkedudukan stabil

Momentum ekonomi antarabangsa semakin lembap - Pertumbuhan global penggunaan perkakas mesin tetap kukuh pada tahun 2019

Kuala Lumpur, 16 Januari 2019. – Menurut ramalan musim luruh Oxford Economics, sebuah institusi penyelidikan ekonomi British, ekonomi sedunia dijangka tumbuh 2.8 peratus pada tahun 2019. Pelaburan akan meningkat pada kadar yang sama. Pengeluaran perindustrian dan penggunaan perkakas mesin masing-masing akan bertambah sebanyak 3.2 dan 3.6 peratus. EMO Hannover 2019 akan berlangsung dari 16 hingga 21 September berlatarkan keadaan ekonomi ini.

“Pertumbuhan ekonomi sedunia tidak secergas tahun lepas,” kata Encik Christoph Miller, pengarah urusan EMO Hannover dari VDW (Persatuan Pembina Perkakas Mesin Jerman), iaitu penganjur EMO, semasa sidang akhbar EMO pada 17 Januari di Kuala Lumpur. “Walau bagaimanapun, kemelesetan yang menyusuli pertumbuhan bertahun-tahun ini bermaksud syarikat-syarikat kini boleh kembali bertumpu pada hal-hal strategi dan membuat keputusan berkenaan pelaburan masa depan mereka,” kata Encik Miller lagi. EMO Hannover 2019 menyediakan pelantar yang paling sesuai untuk tujuan ini. Bertemakan, “Teknologi pintar mendorong pengeluaran hari esok!”, pesta dagang pertukangan logam global yang terkemuka ini akan menyediakan maklumat tentang perkembangan teknologi pengeluaran moden yang terkini, penyelesaian perangkaian dan pendigitalan untuk pengeluaran masa depan, dan

perkhidmatan baharu yang timbul apabila menggabungkan teknologi pemrosesan konvensional dengan kaedah analisis data yang moden.

Angka-angka unjuran ekonomi di bawah ini menunjukkan hasil tahun 2017/2018. Walau bagaimanapun, angka ini tetap membayangkan pertumbuhan yang kukuh. Daya penggerak yang utama ialah Asia yang mencapai peningkatan keluaran dalam negara kasar sebanyak 4.5 peratus, diikuti dengan rantau Amerika yang tumbuh 2.2 peratus, dan Eropah yang mencatatkan 1.7 peratus. Dari segi perbelanjaan modal dan penggunaan perkakas mesin pula, Eropah mendahului kumpulan bertiga ini, masing-masing mencapai pertumbuhan sebanyak 3.8 dan 4.7 peratus. Penggunaan dijangka meningkat dengan lebih tinggi khususnya di Eropah timur. Hungary, Poland, Republik Czech dan Slovakia tetap bertahan sebagai lokasi perindustrian yang berjaya, berkembang dengan baik dan menarik pelaburan. Ekonomi yang melambung di Jerman, iaitu pasaran terbesar di Eropah dan lokasi EMO Hannover, sedang memuncak walaupun ketinggalan sedikit. Penggunaan perkakas mesin Jerman dijangka tumbuh dengan kukuh sekali lagi sebanyak 5.2 peratus pada tahun 2019.

Asia akan menjadi pelanggan antarabangsa yang kedua terbesar tahun depan, setelah mencapai pertumbuhan sebanyak 3.3 peratus, diikuti dengan rantau Amerika yang meningkat 3.0 peratus. Di Asia, negara-negara yang lebih kecil, seperti Vietnam dan Indonesia, mencatatkan kadar pertumbuhan yang tinggi manakala benua kecil India pula menggunakan bilangan perkakas mesin yang nyata melebihi angka purata. Dalam pasaran terbesar, iaitu China, penggunaan perkakas mesin mengikuti trend seluruh Asia yang lebih sederhana dan akan terus menjadi pengaruh yang besar disebabkan bilangannya yang banyak pada tahun-tahun akan datang. Permintaan daripada Amerika Syarikat pada tahun 2019 masih secara bandingannya tinggi, sungguhpun ledakan ekonomi yang tercetus oleh potongan cukai dan keadaan susut nilai yang menarik kini sedang bertambah perlahan.

Antara sembilan industri pelanggan penting sedunia, sektor ilmu mekanik dan optik kejituan, industri automotif, industri kejuruteraan elektrik / elektronik termasuk penjanaan kuasa, industri pesawat udara dan sektor-sektor pengangkutan yang lain (terutamanya pengangkutan kereta api dan pembinaan kapal) sedang melabur pada kadar yang melebihi tahap purata.

“Izinkan saya beralih pula kepada keadaan industri perkakas mesin di Jerman, negara tuan rumah EMO,” kata Encik Christoph Miller. Pada tahun 2018, pengeluaran dan eksport mencapai tahap yang tidak pernah dicapai sebelum ini. Menurut angka awal, industri ini telah mengeluarkan jentera dan perkhidmatan bernilai lebih daripada 17 bilion euro. Lebih kurang 70 peratus daripadanya dieksport. Sungguhpun demikian, kemajuan ini akan berakhir tidak lama

lagi. Bilangan tempahan yang diterima menurun sedikit buat pertama kalinya pada suku tahun ketiga. Ekonomi sedunia semakin lembap dan pertumbuhan beberapa pasaran di luar zon euro tiba-tiba terhenti. Sebaliknya, permintaan dalam negara pada separuh tahun kedua 2017 melonjak tinggi, sebagaimana nyata semasa EMO Hannover. Permintaan yang ketara tinggi pada beberapa bulan terakhir tahun itu merupakan sasaran yang sangat tinggi untuk disaingi dari segi bilangan tempahan yang diterima pada tahun 2018. Dan akhir sekali, perkembangan global yang terkini, termasuk penyebaran konflik perdagangan, usaha perlindungan yang semakin meningkat, harga minyak yang bertambah mahal, kadar inflasi yang tinggi dalam beberapa pasaran yang sedang muncul, hutang yang tidak dikawal, dan sebagainya, amat membimbangkan pelanggan, terutamanya perusahaan yang kecil dan sederhana besar.

Namun begitu, bilangan pekerja mencapai tahap tertinggi sebanyak 75,000 dan pada penghujung tahun 2018, kemampuannya digunakan hampir sepenuhnya, iaitu pada kadar 95 peratus. “Dari segi penggunaan kemampuan mesin dan dengan mengandaikan komponen boleh didapati daripada pembekal, usaha menurunkan kadar ini akan meringankan beban terhadap syarikat dan pekerja, serta memberi mereka ruang untuk menetapkan haluan yang diperlukan demi masa depan,” kata Encik Miller. “Memandangkan cabaran besar yang dihadapi dalam industri ini, seperti pengautomasian, Industri 4.0, proses perkilangan dan pekerjaan yang berubah, syarikat-syarikat dinasihatkan merancang pelaburan masing-masing dengan bijak, contohnya semasa EMO Hannover 2019.”

Ekonomi Malaysia berkedudukan stabil

Ekonomi Malaysia sedang tumbuh dengan agak perlahan sedikit, tetapi menurut pemerhatian GTAI (Perdagangan Dan Pelaburan Jerman), secara jangka panjangnya pertumbuhan ini stabil. Para pemerhati ekonomi menentukan bahawa sebabnya ialah pertikaian perdagangan antara Amerika Syarikat dengan China yang seterusnya menyebabkan ketidakpastian di Malaysia. Meskipun demikian, syarikat yang pengeluaran di China sudah pun memindahkan operasi mereka ke Malaysia. Hal ini juga boleh mengakibatkan konflik bagi negara ini. Suatu lagi sebabnya ialah dasar ekonomi kerajaan baharu, yang antara lainnya, bergantung pada penyatuan dan pengurangan hutang. Akibatnya, terdapat kekurangan pelaburan awam pada jangka pendeknya. Walau bagaimanapun, menurut para pemerhati GTAI, strategi ini akan menghasilkan keadaan ekonomi yang lebih stabil pada jangka panjangnya.

Penyelidik ekonomi British di Oxford Economics menjangka bahawa keluaran dalam negara kasar akan meningkat sebanyak 4.6 peratus pada tahun 2019. Pengeluaran perindustrian dijangka meningkat 3.6 peratus berbanding dengan tahun 2018, manakala pelaburan oleh lapan industri pelanggan perkakas mesin yang terpenting dijangka meningkat 3.4 peratus.

Pengilang kenderaan lain (pengilang kereta api, pembina kapal, dan sebagainya), industri automotif, industri penerbangan, ilmu mekanik kejituan / optik / teknologi perubatan dan industri elektrik / elektronik semuanya menunjukkan tahap komitmen yang sangat tinggi. Penggunaan perkakas mesin, iaitu salah satu penunjuk penting usaha pemodenan industri ini, diramalkan meningkat 2.5 peratus pada tahun 2019.

Industri dan perlombongan adalah sektor ekonomi yang terbesar di Malaysia. Ke sinilah juga kebanyakan pelaburan asing mengalir masuk. Produk elektronik ialah barangan eksport yang paling penting. Teknologi pengeluaran moden diperlukan untuk menjamin daya saing industri Malaysia pada peringkat antarabangsa. Perkakas mesin bernilai 405 juta euro diimport pada tahun 2017. Jerman, yang memiliki bahagian sebesar 7 peratus, ialah pembekal yang keempat terpenting. Barangan yang dihantar berkurang pada tahun 2016 dan 2017. Walaupun begitu, bagi tiga suku tahun pertama 2018, nilainya berganda hampir dua kali sehingga melebihi 25 juta euro. Sistem laser, bahagian gantinya dan aksesori serta mesin tebuk merangkumi bahagian terbesar bagi industri Malaysia. Harapan jangka pertengahan bagi perniagaan perkakas mesin Jerman di Malaysia juga kelihatan cerah. Tempahan meningkat pada kadar peratus tiga angka pada tiga suku tahun pertama.

Pengguna perkakas mesin di Malaysia dinasihatkan melawat EMO Hannover 2019 supaya dapat membuat persiapan yang baik sebelum membuat keputusan pelaburan. Menurut statistik barang import, tiga daripada sektor mesin terpenting bagi industri Malaysia sudah pun mendaftarkan 100 pengilang bagi EMO Hannover setakat awal Disember 2018. "Sektor-sektor ini sudah diwakili dengan baik," kata Encik Miller daripada VDW.

Encik Miller menyimpulkan bahawa, "Secara keseluruhannya, suasana ekonomi sekitar EMO Hannover 2019 menjanjikan perniagaan yang bagus bagi pempamer dan pengunjung dari Malaysia." Lebih daripada 200 pakar pengeluaran merantau dari Malaysia ke Hanover untuk menghadiri EMO Hannover 2017 yang lepas.

EMO Hannover 2019 - Pesta dagang yang terulung di dunia bagi sektor pertukangan logam

Dari 16 hingga 21 September 2019, para pengilang teknologi pengeluaran antarabangsa akan mempamerkan kejuruteraan pintar semasa EMO Hannover 2019. Dengan cogan kata, "Teknologi pintar mendorong pengeluaran hari esok", pesta dagang yang terulung di dunia bagi industri pertukangan logam akan mempamerkan seluruh barisan teknologi pertukangan logam zaman moden, yang menjadi teras setiap proses pengeluaran perindustrian. Pesta ini akan mempamerkan mesin-mesin yang terkini, penyelesaian teknikal yang cekap, perkhidmatan sokongan produk, daya tahan pada proses pengeluaran, dan banyak lagi. Tumpuan utama EMO Hannover adalah pada perkakas pemotongan logam dan mesin pembentukan, sistem pengeluaran, perkakas kejituan tinggi, aliran bahan berautomasi, teknologi komputer, barangan elektronik perindustrian, dan aneka aksesori. Pengunjung perdagangan ke EMO merangkumi semua sektor utama industri, seperti pengilang jentera dan kilang, industri automotif dan pembekal komponennya, sektor ruang angkasa, ilmu mekanik dan optik kejituan, pembinaan kapal, teknologi perubatan, pengilang perkakas dan acuan, serta pembinaan keluli dan logam ringan. EMO Hannover ialah tempat perjumpaan antarabangsa yang terpenting bagi pakar teknologi pengeluaran dari merata dunia. EMO Hannover 2017 telah menarik penyertaan hampir 2,230 pempamer dari 44 buah negara, dan kira-kira 130,000 pengunjung perdagangan dari 160 buah negara. EMO ialah tanda dagang berdaftar Persatuan Industri Perkakas Mesin Eropah, CECIMO.

Anda boleh mendapatkan teks dan imej yang berkait dengan EMO Hannover pada internet di: www.emo-hannover.de/bilddatenbank. Ikutilah perjalanan EMO Hannover melalui saluran media sosial kami



http://twitter.com/EMO_HANNOVER



<https://de.industryarena.com/emo-hannover>



www.linkedin.com/company/emo-hannover



<http://facebook.com/EMOHannover>



<http://www.youtube.com/metaltradefair>